

BAB 1

BAHASA MELAYU DALAM PELANCONGAN

PENGENALAN

- Pelancongan didefinisikan sebagai perjalanan dari suatu tempat ke suatu tempat yang dirancang dan bertujuan untuk melihat tempat berkenaan atau bersuka ria dan dilakukan sama ada secara bersendirian atau berkumpulan.

- Pelancongan – kata dasar lancang bermaksud “melawat sambil melihat”. (Kamus Dewan).

- Pelancong – suatu perjalanan oleh seseorang dan akan pulang ke titik permualanya. (Webster International Dictionary).

- Cohen (1974) pelancong ialah seorang pengembara sementara dengan sukarela melawat sesebuah destinasi dengan harapan akan mencapai kepuasan dalam menikmati keindahan pemandangan.

• Menurut Akta Industri Pelancongan (1992), pelancong ditakrifkan sebagai :

• “mana-mana orang sama ada dia adalah seorang warganegara dan selainnya yang melawat mana-mana tempat di dalam Malaysia untuk apa-apa maksud yang berikut, iaitu :

a. Keseronokan, rekreasi atau percutian

b. Kebudayaan

c. Agama

d. Melawat kawan-kawan atau saudara

e. Sukan

f. Perniagaan

g. Mesyuarat, persidangan, seminar atau konvensyen

h. Pengajian atau penyelidikan

i. Apa-apa maksud lain yang tidak berhubungan dengan sesuatu pekerjaan yang mendapat saraan daripada tempat dilawati itu.

1. Riadah – merupakan masa lapang atau waktu terluang yang dimiliki oleh seseorang individu setelah segala urusan hariannya seperti berkerja, tidur, membuat kerja rumah dan lain-lain tugas diselesaikan. Rekreasi – aktiviti-aktiviti yang dilakukan semasa riadah bertujuan menenangkan minda melalui pelbagai aktiviti
2. Menurut WTO (1990), lawatan terdiri daripada dua kategori iaitu :
 - a. Lawatan berdikari – lawatan, tempahan, penginapan, aktiviti yang diuruskan sendiri oleh individu yang terlibat
 - b. Lawatan berkumpulan – penggunaan perkhidmatan yang ditawarkan dalam pakej lawatan untuk menguruskan aktiviti tempahan penginapan dan sebagainya.
 - c. Pelawat – sesiapa jua yang membuat lawatan ke destinasi selain daripada tempat tinggi dalam tempoh tidak lebih satuahun.

Terbahagi kepada dua:

- a. Pelawat antarabangsa - pelawat yang membuat lawatan ke negara lain
- b. Pelawat domestik – pelawat yang membuat perjalanan dalam negara sendiri.

Pelawat boleh dikategorikan berdasarkan tujuan lawatan :

- Ekskusionis
- Rekreasionis

a) EKSKURSIONIS

Pelawat yang tidak bermalam hanya melalui satu atau lebih kawasan dalam tempoh 24 jam Termasuk golongan yang baik hari dan hanya melintasi sebuah kawasan (termasuk pelancong yang menaiki kapal pelancongan)

b) REKREASIONIS

Biasanya terdiri daripada golongan yang tinggal melawat destinasi menggunakan kemudahan pelancongan untuk aktiviti rekreasi, sukan dan riadah dalam tempoh satu hari atau kurang. Dasar Pelancongan Negara diwujudkan bertujuan untuk menjadikan industri pelancongan negara sebagai satu sektor utama, mapan, berdaya maju, berkualiti dalam memberikan sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi negara.

DEFINISI PELANCONGAN

Oxford English Dictionary mendefinisikan pelancongan adalah orang yang membuat lawatan atau kunjungan pada masa kelapangan (Honey, 1999). Menurut kamus dewan, pelancongan berasal daripada perkataan lancong atau melancong yang membawa maksud melawat sambil melihat-lihat (bersenang-senang). Dalam bahasa Inggeris Pelancongan diertikan sebagai *tourism* manakala melancong pula diertikan sebagai “*travel*” atau “*journey*”. Melancong juga didefinisikan sebagai meninggalkan tempat tinggal menuju ke sesuatu destinasi dengan tujuan tertentu dan berhasrat untuk kembali semula ke tempat asal (NoresahBtBaharom, 1997).

Manakala pelancong pula diertikan sebagai orang yang bermusafir ke sesuatu tempat dengan tujuan tertentu dan tidak bertujuan untuk berhijrah atau berkerja di tempat tersebut untuk jangka masa yang lama. Pelancongan turut didefinisikan sebagai satu kegiatan multidimensi dan pelbagai yang menyentuh dalam aspek kehidupan dan aktiviti ekonomi. Pelancongan tidak semuanya bertujuan untuk keseronokan atau berhibur malah ianya juga merangkumi pelancongan perniagaan, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan dan lain-lain (Joyce M.Hawkins, 2006).

Fathi Yakan (1999) membahagikan pelancongan kepada dua iaitu perlancongan taat yang berlandaskan syariat Islam dan pelancongan maksiat iaitu yang berlawanan dengan ketetapan dan syariat Allah s.w.t. Menurut Hunziker pula, beliau mendefinisikan pelancongan sebagai satu fenomena yang mempunyai hubungan dengan perjalanan seseorang yang tidak kekal dan tidak terlibat dengan aktiviti atau kegiatan yang produktif di sesuatu tempat yang dikunjungi.

Pertubuhan Pelancongan Dunia atau *World Tourism Organization* (WTO) mendefinisikan pelancongan sebagai orang yang pergi atau tingal di tempat-tempat yang diluar kebiasaan mereka untuk bercuti dengan tidak melebihi tempoh satu tahun. Manakala, *Islamic Tourism Centre* atau Pusat Pelancongan Islam di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia pula telah mendefinisikan pelancongan yang beragama Islam sebagai suatu bidang atau industri atau aktiviti yang berkaitan dengan pengembalaan untuk melawat tempat-tempat yang mempunyai sejarah Islam, mengenali budaya serta warisan Islam, dan juga untuk memahami dan menyelami cara hidup masyarakat Islam.

JENIS-JENIS PELANCONGAN

Aktiviti pelancongan di Malaysia boleh dikategorikan kepada pelbagai jenis. Setiap destinasi pelancongan perlu dipelihara kerana ia merupakan hasilan/asset negara dan mampu menjana pendapatan kepada negara.

Industri pelancongan negara Malaysia telah mengaut keuntungan sebanyak RM 6.7 juta pada tahun 1995. Jelaskan pelbagai jenis pelancongan yang berpotensi untuk dimajukan di Malaysia.

1. Pelancongan Kesihatan

- Warga asing yang datang untuk mendapatkan khidmat perubatan/ kesihatan akan datang Bersama keluarga
- Oleh itu, mereka akan berada di Malaysia dalam satu tempoh masa yang tertentu
- Banyak pusat perubatan yang bertaraf dunia dengan fasiliti yang moden, doktor pakar
- Kos yang berpatutan kerana nilai tukaran mata wang yang rendah.

2. Pelancongan Sukan

- Pelancongan dating untuk menonton acara sukan yang dianjurkan terutama sukan bertaraf dunia
- Cth: sukan bermotor spt Formula 1, Motor GP, Sukan Komanwel, Sukan Paralimpik, Piala Thomas yang akan menarik ramai pelancong asing untuk dating melawat ke Malaysia.

3. Pelancongan Pendidikan

- Malaysia mempunyai banyak pusat pengajian tinggi awam dan swasta yang bertaraf dunia
- Program berkembar dengan pusat Pendidikan/university luar negara kos Pendidikan yang lebih murah

4. Agro Pelancongan

- Malaysia merupakan sebuah negara yang masih mementingkan sektor pertanian
- Banyak kegiatan pertanian yang boleh dikomersialkan dan dipromosikan kepada pelancong asing
- Cth: pelancong asing dapat menikmati keenakan buah-buahan tempatan yang segar terus dari lading/kebun

5. Eko Pelancongan

- Banyak Kawasan alam semula jadi yang menarik dan belum tercemar
- Kawasa-kawasan ini telah ada yang diwartakan sebagai warisan dunia
- Cth: Lembuh Danum, Lembah Meliau (Beliau Basin), Hutan Simpan Belum, Gunung Kinabalu, Pulau Sipadan

6. Pelancongan membeli belah

- Banyak pusat membeli belah yang menawarkan pelbagai produk yang berjenama terkenal hingga kepada yang tidak berjenama terkenal
- Promosi jualan murah dijalankan tiga kali setahun
- Cth: carnival membeli belah, year and sale (YES) dapat menarik terutamanya pelancong dari negara jiran spt. Brunei dan Singapura yang mempunyai nilai tukaran mata wang yang lebih tinggi daripada Malaysia.

7. Pelancongan budaya

- Malaysia mempunyai pelbagai kaum yang masih mengamalkan kebudayaan masing-masing

KONSEP:

- Bertanggungjawab terhadap alam sekitar
- Ke kawasan bersifat semula jadi
- Untuk menikmati dan menyedari akan sifat semula jadi
- Untuk menggalakkan pemuliharaan alam sekitar
- Membawa kesan yang rendah
- Membolehkan penglibatan secara aktif masyarakat tempatan di dalam aktiviti sosio-ekonomi .
- Pelancongan yang berasaskan pertanian atau pelancongan tani/agro yang dikhurasukan bagi pelancong yang meminati bidang pertanian dan penternakan.

<Dusun buah-buahan

<Ladang ternakan

<Penyelidikan

<Ladang sayur/tea

<Kolam ternakan

DEFINISI AKTIVITI KOMUNITI PELANCONG

- Mempelajari adat resam & kebudayaan masyarakat setempat
- Melihat dan mempelajari aktiviti sehari-hari kehidupan masyarakat kampung
- Berinteraksi dengan masa setempat ? Pelancong tinggal dengan keluarga angkat (hos) yang dipilih. ? Menoreh getah ? Penternakan ikan ? Pertanian ? Tarian & makanan tradisional

Hasil pembelajaran

1. Menyuaipadankan jenis pelancongan berdasarkan ciri yang betul di hadapan kelas.
2. Mengenal pasti tiga jenis-jenis pelancongan.
3. Dapat menunjukkan perasaan bangga terhadap produk pelancongan yang terdapat di Malaysia.
4. Budaya hasil ciptaan manusia yang mempunyai nilai dan kegunaan dalam komuniti -Pakaian & Makanan BENDA Amalan,sistem kepercayaan:nilai –nilai yang tidak bersifat benda .

(Contoh situasi di hotel)-----

Definisi:
Menekankan elemen budaya sebagai tarikan seperti tarian, seni bina, pakaian, adat resam, amalan hidup warisan, tradisi dan makanan.

PELANCONGAN BUDAYA

Malaysia: Tarikan Budaya

- Kampung Budaya Monsopiad
- Kampung Budaya Sarawak
- Taman Mini Malaysia Melaka

Perayaan:

- Hari Raya Puasa
- Tahun Baru Cina
- Deepavali
- Krismas
- Hari Gawai
- Hari Kaamatan

KLIK



PELANCONGAN BUDAYA

PENGENALAN:

- Kelainan budaya dapat menimbulkan pengalaman baru tentang kepentingan budaya sesuatu bangsa itu.
- Produk pelancongan budaya adalah dalam bentuk-bentuk budaya tempatan.

Bentuk-Bentuk Pelancongan Budaya :

BENDA		BUKAN BENDA
		Budaya hasil ciptaan manusia yang mempunyai nilai dan kegunaan dalam komuniti -Pakaian & Makanan
		Amalan,sistem kepercayaan:nilai –nilai yang tidak bersifat benda .